

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 16 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L571
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan peperiksaan di sekolah dengan berasaskan tahap kebolehan pelajar seperti cemerlang, sederhana dan lemah mengikut kertas peperiksaan yang berbeza.
2. PN-1131-L503
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejak pembukaan LCCT (Terminal Tambang Murah) oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Mac 2006, apakah masalah yang telah wujud kepada para pengguna, khasnya implikasi kos untuk menghubungkan LCCT dan KLIA dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasinya.
3. PN-1131-L153
Datuk Dr. Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan cukai jalan kepada kereta jenama Malaysia yang berkuasa kuda antara 1000cc dan 2000cc dikurangkan kepada 50%.
4. PN-1131-L212
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang seni dan budaya kaum bukan Melayu di negara ini. Sila senaraikan.
5. PN-1131-L545
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan modul agama kepada pelajar-pelajar di peringkat IPTA dan IPTS bagi membendung gejala sosial yang kian menular di kalangan pelajar-pelajar tersebut.

6. PN-1131-L757
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk menggunakan sistem lampu syarat (Traffic Light) secara digital di seluruh Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan sistem ini secara tidak langsung lebih mesra pengguna dan dapat mengurangkan jumlah kemalangan.
7. PN-1131-L678
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan permasalahan sosial di kalangan wanita sama ada di bandar dan di luar bandar kini semakin mendapat perhatian masyarakat. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang sedia ada, namun kejadian jenayah seksual kebanyakannya membabitkan golongan wanita semakin menjadi-jadi. Adakah perlu undang-undang sedia ada diteliti semula bagi memastikan jenayah seksual dapat dibendung.
8. PN-1131-L377
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan "sustainability" industri biodiesel sekiranya harga minyak sawit melampaui RM2400.00/MT (metrik tan) seperti yang pernah berlaku pada tahun 1998.
9. PN-1131-L590
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan kewujudan kampung-kampung baru yang telah hampir 60 tahun dan wujud di dalam kawasan Majlis Bandar Raya masih menggunakan jalan-jalan tidak berturap di sebahagian kampung itu. Contohnya Kampung Baru Sg. Buluh di Selangor. Bilakah kesemua jalan-jalan di sini akan diturap oleh Pihak Berkuasa Tempatan MBSA.
10. PN-1131-L650
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
 - (a) jumlah pinjaman Tekun yang masih belum berbayar bagi tahun 2005; dan
 - (b) apakah tindakan yang pernah dan akan diambil bagi mendapat kembali pinjaman yang telah diberikan.
11. PN-1131-L808
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha tertentu yang diambil oleh Kementerian di dalam mengatasi masalah vandalisme lebih-lebih lagi di kawasan projek-projek rumah kos rendah yang sedang pesat membangun sebagai contoh masalah penggunaan lif, conteng, merosakkan alat penggera, mengotorkan tangga kecemasan dan sebagainya.

12. PN-1131-L634
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara Malaysia mengikut kaum yang telah berurusan di luar negara (tidak termasuk mengerjakan Haji dan Umrah) bagi semua urusan melalui jalan udara, laut dan darat dari tahun 2001 hingga 2005 dan jumlah mereka yang sehingga kini masih berada di luar negara atas sebab urusan masing-masing.
13. PN-1131-L733
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai apakah keuntungan dan kelebihan yang diperolehi oleh rakyat dengan penggabungan bank-bank.
14. PN-1131-L333
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menukarkan istilah-istilah atau nama tempat yang sekarang menggunakan Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu di Putrajaya.
15. PN-1131-L442
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan fungsi Lapangan Terbang Subang dan kawasan sekitarnya untuk industri dan perkhidmatan penerbangan, apakah hasil terkini dan potensi yang ada terhadap kegunaan tempat itu.
16. PN-1131-L131
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah serta peratusan pelajar-pelajar Orang Asli yang diserap ke sekolah-sekolah berasrama penuh Kerajaan.
17. PN-1131-L489
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu badan khas untuk memantau kebersihan yang terdapat di hospital-hospital, klinik-klinik sama ada milik Kerajaan ataupun swasta agar ianya benar-benar terjamin akan kebersihannya.
18. PN-1131-L382
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah yang telah dirancang untuk memperkasakan koperasi-koperasi di luar bandar di dalam RMK-9.

19. PN-1131-L294
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah perancangan dan langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kementerian bagi meningkatkan lagi industri pelancongan di negeri Perlis terutamanya di pintu masuk Wang Kelian-Wilayah Satun dan Pekan Padang Besar-Wilayah Songkhla.
20. PN-1131-L778
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa terdapat trend di sesetengah agensi Kerajaan di mana kakitangan yang mula berkhidmat akan meneruskan perkhidmatan mereka di tempat yang sama sehingga ke tahap pencen, walaupun tidak ada peningkatan prestasi kerja. Suasana ini berbeza dengan agensi swasta yang lebih berminat mengambil muka-muka baru sebagai pekerja baru untuk meningkatkan mutu dan efisiensi kerja. Apakah langkah yang akan diambil Kerajaan bagi mengelak perkara ini berterusan kerana agensi Kerajaan adalah wajah Kerajaan Malaysia.
21. PN-1131-L726
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah ukuran kejayaan program dan inisiatif yang diambilnya di bawah RMK-9 dengan peruntukan yang begitu besar di mana kejayaan tidak seharusnya diukur dari aspek kuantitatif sahaja. Kerajaan harus menghalusi aspek kualitatif pelajar-pelajar juga.
22. PN-1131-L709
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Petronas telah melahirkan usahawan bumiputera daripada aspek perolehan dan kontrak kerja kepada golongan tersebut.
23. PN-1131-L494
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah kriteria untuk sesebuah bangunan diwartakan sebagai bangunan warisan. Senaraikan bangunan-bangunan yang telah diberi status bangunan warisan mengikut negeri.
24. PN-1131-L228
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Jabatan Imigresen memantau keadaan pekerjaan pembantu rumah warga asing beragama Islam yang bekerja dengan majikan bukan Islam yang terpaksa melakukan kerja-kerja bertentangan dengan hukum Islam seperti memegang dan memasak daging babi serta dipaksa memandikan anjing.

25. PN-1131-L476
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rasionalnya penjualan minuman keras di rangkaian kedai serbaneka yang beroperasi 24 jam seperti Seven-Eleven dan apakah langkah Kementerian bagi menghalang daripada remaja bawah umur bebas membeli minuman keras di kedai-kedai serbaneka ini.
26. PN-1131-L654
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan Kementerian untuk meningkatkan Modal Insan dalam Angkatan Tentera Malaysia selaras dengan penekanan Kerajaan terutama dalam RMK-9.
27. PN-1131-L313
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Jabatan maklum bahawa terdapat banyak premis makanan di sekitar ibu negara memanipulasikan salinan fotostat sijil tauliah penyembelihan serta sijil produk halal sebagai alat mengelirukan pengguna Islam.
28. PN-1131-L179
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah manfaat serta merta yang boleh dinikmati oleh petani, khususnya penanam sayur, contohnya di Cameron Highlands, Kuala Langat dan Ulu Yam daripada pelbagai insentif, subsidi dan bantuan yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9.
29. PN-1131-L621
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Malaysia ada menghantar pasukan tentera untuk berlatih di luar negara dan nyatakan negara manakah mereka ini dihantar untuk berlatih.
30. PN-1131-L246
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah pengiktirafan Kerajaan terhadap sumbangan ahli sukan wanita. Adakah mereka diberikan imbuhan lain di samping wang yang disediakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) kerana memenangi sesuatu pingat.

31. PN-1131-L711
Tuan Wilson Sagamani a/ Paul Devasagayam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mencegah pencemaran bunyi dari kenderaan-kenderaan; dan
 - (b) jelaskan garis panduan dan peraturan bagi kawalan ini dan berapakah kes kesalahan bagi 3 tahun yang lepas.
32. PN-1131-L770
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi menjaga serta memelihara sungai-sungai di negara kita memandangkan dewasa ini masalah pencemaran sungai-sungai begitu serius berlaku di negara kita.
33. PN-1131-L269
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi peningkatan kes rompakan terhadap van syarikat kawalan keselamatan yang terbabit dalam penghantaran wang tunai ke premis bank atau ATM. Apakah prosedur standard operasi (SOP) yang diguna pakai kini dan apakah ianya dipatuhi dalam kebanyakan kes rompakan tersebut.
34. PN-1131-L523
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk membangunkan industri desa atau produk orang kampung.
35. PN-1131-L546
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk membuat pendaftaran mandatori ke atas penagih-penagih dadah, arak dan gejala-gejala seumpamanya dan jika ada, adakah kuasa undang-undang sekarang mencukupi untuk membolehkan pihak Kerajaan atau badan-badan yang relevan menjalankan tugas memerangi gejala sosial tersebut secara berkesan dan efektif.
36. PN-1131-L779
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah rasionalnya penjenamaan semula RTM setelah bertukar Menteri baru, sedangkan re-branding RTM yang dilakukan bekas Menteri sebelum ini masih terlalu baru. Berapakah kos yang diperuntukan oleh Kementerian untuk penjenamaan semula ini.

37. PN-1131-L399
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada untuk meneruskan saman ekor terhadap kesalahan trafik.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

2. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

- | | | | |
|----|---------------|--|---------------------------------------|
| 3. | (D.R. 7/2006) | Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2005) 2006 | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 4. | (D.R. 5/2006) | Rang Undang-undang Industri
Perkhidmatan Air 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 4/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya
Perkhidmatan Air Negara 2006 | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.43	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 16 Ogos 2005 hingga 31 Disember 2005 Menurut Peraturan Seksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966.	15 Mei 2005
CMD.2	Penyata Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2005.	15 Mei 2005
CMD.2A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, Tahun 2005 Bagi Kerajaan Malaysia.	15 Mei 2005
CMD.3	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 2005	15 Mei 2005
CMD.3A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, Tahun 2005 Bagi Kerajaan Malaysia.	15 Mei 2005
CMD.4	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 16 Ogos 2005 hingga 31 Disember 2005 Menurut Peraturan 68 Di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.	15 Mei 2005